

Isu bantuan lambat, semua bertanggungjawab

UM - 22/12/2021 | 3

Oleh **BADRUL HAFIZAN MAT ISA**
dan **NOR AINNA HAMZAH**
utusannews@mediamulia.com.my

JELEBU: Semua pihak perlu di-pertanggungjawabkan dalam isu pengurusan banjir ketika ini termasuk isu kelewatan memberi bantuan dan menyelamatkan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, beliau mengakui kelewatan urusan bantuan kepada mangsa termasuk di Selangor, namun ia bukanlah sesuatu disengajakan.

“Saya tidak nafikan masalah kelewatan memindahkan orang. Saya tidak salahkan netizen, saya berterima kasih kepada orang ramai yang terus mengadu kepada saya.

“Bagaimanapun, tanggungjawab banjir ini bukan hanya Persekutuan, kerajaan negeri, malah di peringkat daerah perlu menjadi barisan hadapan, semua perlu bertanggungjawab,” kata beliau selepas melawat Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Dewan D’Sury, Kuala Klawang di sini semalam.

Perdana Menteri menjawab



ISMAIL Sabri Yaakob melawat mangsa-mangsa banjir di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Dewan D’Sury di Kuala Klawang semalam.

demikian berhubung tindakan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) yang disifatkan perlahan menguruskan bencana banjir.

Mengulas lanjut, Ismal Sabri

berkata, selepas ini semua agensi terbabit perlu menyegerakan bantuan pasca banjir seperti pembersihan rumah dan membaik pulih infrastruktur.

Katanya, walaupun tiada

tempoh masa ditetapkan, namun perkara berkenaan perlu dipercepatkan termasuk kelulusan daripada pusat pengurusan supaya bantuan dapat diberikan di sesuatu kawasan.